



Publication: Berita Harian, p 1
Date: 17 October 2013
Headline: UniSIM picked to host S'pore's 3rd law school

Program ijazah gunaan bolehkan dua varsiti tawar 400 lagi tempat

► SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

UNIVERSITI SIM (UniSIM) dan Institut Teknologi Singapura (SIT) akan melancarkan program ijazah gunaan sepenuh masa baru mulai tahun depan, membuka sehingga 400 tempat pengajian universiti bersubsidi tambahan bagi warga Singapura.

Ijazah itu ialah dalam bidang perakaunan, kewangan, pasaran, kejuruteraan prasarana dan pembangunan sofwe.

Selain itu, UniSIM dipilih sebagai sekolah undang-undang ketiga Singapura, menawarkan program sarjana muda undang-undang sambilan dengan fokus pada undang-undang jenayah dan keluarga.

Kursus tersebut dijangka dimulakan dalam masa beberapa tahun akan datang.

Kementerian Undang-Undang sedang bekerja rapat dengan UniSIM bagi membangunkan program-programnya dengan konsultasi bersama industri guaman.

Mengumumkan hal itu dalam majlis konvokesyen tahunan UniSIM di kampusnya di Clementi Road semalam, Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat, berkata program ijazah gunaan dan undang-undang baru itu akan menambah kepelbagaiannya dalam landskap pendidikan tinggi di negara ini.

"Saya harap mereka yang memanfaatkan program-program baru itu dapat terus menyuntik idea dan

kerja baik mereka dalam apa saja bidang yang mereka pilih.

"Dengan berbuat demikian, pelajar kita akan dapat memastikan ekonomi kita rancak dan masyarakat kita berdaya tahan, agar kita dapat terus mereka pelbagai peluang bagi rakyat Singapura," kata beliau.

Pembentukan sekolah undang-undang ketiga itu adalah antara saranan Jawatankuasa Keempat Tentang Bekalan Peguam yang diterima pemerintah Mei lalu.

Melahirkan rasa gembira dengan pembentukan sekolah undang-undang ketiga itu di laman Facebook beliau semalam, Menteri Undang-Undang merangkap Ehwal Luar, Encik K. Shanmugam, menyifatkannya sebagai "satu peristiwa penting".

Dua sekolah undang-undang se-
daria ada ialah di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Bermula tahun depan, SIT dan UniSIM – universiti kelima dan keenam Singapura – masing-masing akan menawarkan sehingga 200 tempat bagi program ijazah gunaan sepenuh masa yang dihasilkan sendiri.

UniSIM, yang kini hanya menawarkan program sambilan khusus bagi karyawan, akan memperkenalkan program sepenuh masa dalam bidang perakaunan, kewangan dan pasaran.

SIT, yang kini menawarkan ijazah tukikan daripada universiti antarabangsa, akan memperkenalkan program sepenuh masa dalam bi-

dang kejuruteraan prasarana, pembangunan sofwe dan perakaunan.

Menurut Encik Heng, berbeza daripada program ijazah universiti lain, program ijazah gunaan baru itu akan menyepadukan pembelajaran bilik darjah – yang akan menyajikan kurikulum kukuh dan bermutu tinggi – dengan pengalaman sebenar di tempat kerja.

Unsur pengalaman di tempat kerja itu juga lebih lama dan mendalam berbanding program bekerja sambil belajar yang kini ditawarkan.

"Jika mereka (peserta program baru) memanfaatkan peluang-peluang baru ini dengan komitmen dan dedikasi yang sama yang anda tunjukkan, kita boleh menjangkakan kemunculan model kejayaan baru dan menarik," kata Encik Heng dalam ucapannya kepada lebih 330 graduan sarjana dan sarjana muda UniSIM semalam.

Mengalau-alukan program baru UniSIM dan pemilihan universiti itu sebagai sekolah undang-undang ketiga, Presiden UniSIM, Profesor Cheong Hee Kiat, berkata universiti berkenaan akan memanfaatkan kekuatannya iaitu jalinan kukuh dengan pakar industri bagi program-program baru tersebut.

Ditanya apakah beliau yakin kedua-dua universiti itu dapat menarik pelajar yang mahu menyambung pengajian sepenuh masa memandangkan terdapat persaingan sengit dari pada universiti tempatan lain, Encik Heng berkata beliau yakin "kerana programnya tersendiri dan permintaan baginya tinggi".